**SIARAN MEDIA**
**UNTUK SIARAN SEGERA**

# CELCOM MENAWARKAN 100,000 TELEFON PERCUMA SELAMA 101 HARI!

**KUALA LUMPUR, 24 SEPTEMBER 2018** – Celcom Axiata Berhad menawarkan para pelanggan peluang eksklusif untuk memiliki satu atau lebih telefon pintar, daripada 100, 000 yang ditawarkan, secara PERCUMA, tanpa sebarang bayaran pendahuluan.

Bermula daripada 20 September 2018 hingga 29 Disember 2018 (101 hari), pelanggan *Celcom Mobile* bakal menikmati peluang pengecualian bayaran pendahuluan untuk kesemua pelan peranti tergabung pasca bayar Celcom iaitu pelan *Celcom Mobile Gold Plus, Celcom Mobile Gold Supreme, Celcom Mobile Platinum* dan *Celcom Mobile Platinum.*

Bagi pelanggan yang telah menggunakan perkhidmatan Celcom lebih dari 12 bulan dan tidak pernah dikenakan sekatan perkhidmatan selama 3 bulan, mereka boleh menikmati pengecualian awal apabila melanggan salah satu daripada empat pelan di atas bersama kontrak peranti. Selain itu, untuk pelanggan baru Celcom juga mereka dapat menikmati pengecualian bayaran pendahuluan separa apabila mereka mendaftar dengan mana-mana pelan peranti tergabung Celcom.



Pelanggan boleh memilih daripada pelbagai pilihan telefon pintar 4G yang terkini, di antaranya Huawei P20, Oppo F9, Huawei nova 3i, Oppo A3s, Huawei nova 2 Lite, iPhone6 32GB, Samsung Galaxy J4 dan banyak lagi!

Di samping itu, Celcom memperkenalkan dua ciri peranti tergabung baru yang membolehkan pelanggan memiliki telefon terkini sekali sepanjang 12 bulan, atau menaik taraf pelan pasca bayar mereka yang sedia ada kepada pelan internet yang menguntungkan tanpa sebarang kos tambahan.

Ciri terkini yang diperkenalkan adalah lanjutan kontrak atau *Contract Extension* membolehkan pelanggan yang memiliki baki kontrak peranti kurang daripada 12 bulan, akan diberi pilihan untuk menaik taraf telefon pintar mereka sedia ada dengan peranti baru tanpa bayaran penalti. Manakalan ciri kedua iaitu *Change Plan Anytime* pula menawarkan kontrak peranti dengan pilihan menaik taraf pasca bayar yang membolehkan mereka menikmati kuota internet menguntungkan tanpa sebarang bayaran tambahan.




Ketua Pegawai Eksekutif Celcom Axiata Berhad, Mohamad Idham Nawawi berkata Celcom telah meningkatkan lagi pelan perantinya dengan tawaran nilai terbaik

untuk pelanggan bagi memudahkan mereka memiliki telefon pintar 4G baru atau menaik taraf telefon pintar yang sedia ada.

"Celcom akan terus meningkatkan produk dan perkhidmatannya untuk menyampaikan pengalaman digital terbaik sekaligus menawarkan peranti terkini pada nilai hebat khusus untuk pelanggan kami. Pelanggan kami boleh terus berhubung dan menikmati pengalaman video terbaik dengan rangkaian Celcom, memanndangkan kini lebih mudah untuk memilik peranti yang menyokong rangkaian 4G menerusi kempen baru Celcom iaitu PERCUMA telefon pintar untuk 101 hari.

Segara dapatkan telefon pintar baru dari Celcom hari ini! Untuk maklumat lanjut, sila layari www.celcom.com.my.

- tamat-